



exyte

# CODE OF CONDUCT





# Speak Up!

It's the right way.

# CODE OF CONDUCT

## SENARAI KANDUNGAN

	PERUTUSAN DARIPADA AHLI LEMBAGA	05
01	BUDAYA COMPLIANCE KITA	06
02	PEMILIKAN TANGGUNGJAWAB UNTUK COMPLIANCE	08
03	MEMELIHARA KESEJAHTERAAN WARGA KERJA	10
	3.1 HAK ASASI MANUSIA	12
	3.2 DIVERSITY	12
04	DATA PERIBADI	14
05	KONFLIK KEPENTINGAN	16
06	SUMBER SYARIKAT	18
	6.1 ASET	18
	6.2 DATA	18
07	RASUAH DAN SOGOKAN	20
	7.1 PENDIRIAN UMUM KITA	20
	7.2 RAKAN KONGSI PERNIAGAAN	20
	7.3 PEGAWAI AWAM	22
	7.4 MELANTIK EJEN DAN PAKAR RUNDING	24
	7.5 PERATURAN BAGI DERMA DAN PENAJAAN	24
08	PENIPUAN DAN INTEGRITI REKOD KEWANGAN	26
09	BERSAING SECARA ADIL	28
10	SEKATAN DAN KAWALAN EKSPORT	30
11	LAKSANAKAN CODE OF CONDUCT	32
	PILIHAN WAKIL HUBUNGAN ANDA	35

## EXECUTIVE BOARD



**Dr. Wolfgang Büchele**  
Chief Executive Officer



**Elena Bashkeeva**  
Chief Financial Officer



**Mark Garvey**  
Chief Executive Officer  
Advanced Technology  
Facilities



## PERUTUSAN DARIPADA AHLI LEMBAGA

### Rakan sekerja yang dihormati,

Dasar korporat kita menggariskan komitmen syarikat untuk menjalankan perniagaan mengikut standard etika, moral dan undang-undang tertinggi dalam semua bidang perniagaan.

Ini bermakna, perkara terpenting adalah compliance terhadap semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan – walaupun compliance tersebut mengakibatkan kegagalan kita untuk memenangi projek penting atau kehilangan sasaran perniagaan. Walau bagaimanapun, maksud compliance di Exyte adalah lebih mendalam. Kita bertindak dengan integriti dan menghormati rakan kongsi perniagaan serta rakan sekerja. Di Exyte, kita secara jelas tidak berminat dengan peningkatan hasil dan keuntungan apabila proses untuk meraihnya perlu membelakangkan kejujuran serta urus niaga yang adil.

Globalisasi dan persekitaran kawal selia yang semakin rumit menjadikan compliance lebih mencabar. Bagi membantu anda mengatasi cabaran ini, Exyte Code of Conduct memberi anda panduan untuk melaksanakan aktiviti harian anda. Code of Conduct kita bukanlah sekadar suatu dasar. Ia merupakan asas dan penanda aras bagi semua tatalaku perniagaan kita. Sentiasa ingat bahawa

hanya satu kes ketidakpatuhan boleh membawa akibat yang serius dan boleh merosakkan reputasi tinggi yang diperoleh Exyte dalam pasaran. Kepercayaan pihak berkepentingan kita terhadap syarikat merupakan aset kita yang paling berharga. Kita masing-masing berkongsi tanggungjawab untuk melindungi aset ini, tanpa mengira kedudukan atau peranan kita dalam syarikat.

Saya dan rakan ahli lembaga yang lain berharap agar anda dapat memahami Exyte Code of Conduct ini dan mengamalkannya dalam tugas seharian. Kami menggalakkan anda untuk bersuara dan mengambil tindakan yang sewajarnya apabila diperlukan. Sekiranya anda menyaksikan tindakan salah laku atau berasa ragu-ragu, sila hubungi Exyte Compliance Team.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "W. Büchele".

Dr. Wolfgang Büchele

Ketua Lembaga Eksekutif

# 01 | BUDAYA COMPLIANCE KITA

Matlamat kita melangkaui bidang kejuruteraan. Melalui kemudahan yang canggih, kita membawa perubahan dalam inovasi digital dan penghasilan ubat-ubatan yang menyelamatkan nyawa. Kita amat berbangga menjadi rakan kongsi yang dipercayai dengan kepakaran selama lebih satu abad dalam penyampaian projek dan produk berkualiti tinggi sambil bertindak dengan integriti dan mematuhi undang-undang.

Di Exyte, integriti bermaksud melakukan perkara yang betul, walaupun tiada sesiapa pun yang melihatnya. Code of Conduct kita terpakai kepada semua ahli gabungan Exyte dan menyediakan rangka kerja untuk melindungi warga kerja dan syarikat kita. Kawalan dan proses, komunikasi dan latihan, serta tinjauan dan pemantauan adalah teras bagi Compliance Management System, yang membantu untuk menerapkan konsep ini ke dalam perniagaan kita.

Anda boleh menyokong budaya ini dengan bersuara jika anda menyaksikan salah laku atau percaya bahawa ada berlakunya sesuatu yang tidak wajar. Kami menggalakkan anda untuk **terus menghubungi Compliance Team anda** atau menghubungi Corporate Compliance Team **melalui [ethics@exyte.net](mailto:ethics@exyte.net)**. Kami memberi anda jaminan bahawa semua laporan yang dibuat dengan niat suci akan dikendalikan secara serius, dengan tahap kerahsiaan yang paling tinggi dan tiada sebarang risiko tindakan balas. Selain itu, laman pelaporan digital (**[www.speak-up.exyte.net](http://www.speak-up.exyte.net)**) kita, yang dikendalikan oleh pihak ketiga secara bebas, menyediakan pilihan untuk membuat laporan secara tanpa nama.



**Speak Up!**  
It's the right way

Kita mengharapkan rakan kongsi perniagaan kita untuk mendukung standard tinggi yang sama seperti yang telah ditetapkan untuk syarikat kita. Memandangkan rantaian bekalan adalah penting untuk pelaksanaan projek kita, kita memilih rakan kongsi yang memahami dan berkongsi prinsip kita. Exyte Supply Chain Code of Conduct menyokong dokumen ini dan menggariskan jangkaan kita untuk tatalaku perniagaan yang beretika kepada pihak yang menjadi rakan kerjasama kita. Ketidapatuhan rakan kongsi juga boleh dilaporkan melalui sistem pelaporan kita. Laporan sedemikian amat digalakkan dan sangat dihargai.

## COMPLIANCE TERHADAP EXYTE CODE OF CONDUCT ADALAH AMALAN YANG TERBAIK.

### **Semua orang**

Untuk pekerja Exyte.

Untuk rakan kongsi perniagaan kita.

Untuk semua pihak berkepentingan kita.

### **Di mana-mana sahaja**

Di pejabat kita.

Di tapak pembinaan kita.

Di kilang pengeluaran kita.

### **Setiap masa**

Compliance adalah suatu sikap.

## 02 | PEMILIKAN TANGGUNGJAWAB UNTUK COMPLIANCE

Exyte Code of Conduct mentakrifkan standard tatalaku untuk semua orang di Exyte. Dokumen ini menggariskan panduan untuk kita berinteraksi dan bekerja dalam syarikat serta menyediakan asas bagi perhubungan dengan pihak ketiga seperti klien, rakan kongsi perniagaan dan pihak berkepentingan yang lain.

Setiap orang yang bekerja di Exyte atau bagi pihak Exyte diharapkan untuk memahami, mematuhi dan mengamalkan Exyte Code of Conduct dalam peranan harian mereka. Pengurus khususnya, memainkan peranan penting dalam mewujudkan budaya Compliance dengan mematuhi prinsip korporat, menetapkan standard kepimpinan dari peringkat teratas, memimpin melalui teladan dan memastikan pasukan mereka memahami, menerima dan menyokong budaya Compliance kita.

Tanggungjawab terhadap Compliance bukan sahaja sekadar mematuhi peraturan syarikat, malah lebih penting lagi, compliance merupakan suatu sikap. Kami meletakkan kepercayaan kami ke atas semua orang yang bekerja di Exyte atau untuk Exyte supaya mengamalkan peraturan Compliance kita sebagai panduan untuk menjalankan perniagaan dengan betul.

Exyte tidak akan bertolak ansur dengan sebarang ketidakpatuhan terhadap undang-undang atau Exyte Code of Conduct dan akan menguatkuasakan pendirian ini dengan ketat, contohnya menerusi langkah tatatertib atau tindakan undang-undang.

Kita mengamalkan  
» Compliance sebagai suatu sikap.



### Contoh

Sebagai pengurus projek baharu, anda percaya bahawa pendirian anda mengenai Compliance dan integriti mestilah disampaikan dengan jelas kepada ahli pasukan. Oleh yang demikian, anda memutuskan untuk meminta Compliance Officer anda mengetengahkan Perkara yang Boleh Dilakukan dan yang Dilarang yang terpenting bagi pasukan projek anda dalam bengkel latihan secara langsung di tapak. Ini cara yang baik untuk memikul tanggungjawab mengenai hal Compliance dan untuk menekankan kepentingan Compliance di Exyte.

## 03 | MEMELIHARA KESEJAHTERAAN WARGA KERJA

Exyte ialah perniagaan yang mengutamakan interaksi dan hubungan warga kerja. Sumber insan ialah aset terpenting kita, dan kita komited untuk mengembangkan dan melindunginya.

Memelihara kesejahteraan warga kerja merupakan salah satu teras strategi kemampunan dan prinsip yang mempengaruhi tatalaku seharian kita. Bagi Exyte sebagai majikan, tumpuan terhadap tanggungjawab sosial ini meliputi pelbagai inisiatif, daripada memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat dengan keadaan kerja yang telus, kepada menggalakkan pembangunan individu setiap pekerja. Usaha ini bertujuan untuk menyokong hak asasi semua pihak yang bekerja di Exyte atau untuk Exyte, iaitu hak untuk dilayan secara sama rata dan dengan hormat.

Kami menghormati pekerja kami sebagai individu dan mengambil berat tentang pendapat mereka. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara berakhir apabila hal itu menjejaskan hak orang lain. Exyte berusaha untuk mengekalkan kedudukan yang berkecuali dalam hal politik dan agama serta mengharapkan pekerja melakukan perkara yang sama di tempat kerja termasuk di platform media sosial yang berkaitan dengan kerja.

Exyte komited untuk menyediakan tempat kerja yang mematuhi semua undang-undang yang berkenaan serta Standard Buruh Teras dalam Deklarasi Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), dan kami mengharapkan rakan kongsi perniagaan kita untuk memastikan compliance di pihak mereka.

Kita menjadikan tatalaku saling hormat menghormati sebagai asas bagi semua hubungan  
**» dalam Exyte dan dengan rakan kongsi perniagaan atau pihak berkepentingan yang lain.**



### 3.1 HAK ASASI MANUSIA

Kita melindungi dan memastikan perlindungan hak paling asas yang dimiliki oleh semua orang yang bekerja di Exyte atau untuk Exyte, iaitu Hak Asasi Manusia.

Kita mengesahkan komitmen terhadap prinsip hak asasi manusia yang diterima pada peringkat antarabangsa, khususnya Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UN Global Compact), yang disepadukan ke dalam proses perniagaan kita dalam lingkungan rangka kerja bagi Human Rights Policy and Programme kita.

Kita menentang sekeras-kerasnya semua bentuk buruh paksa dan buruh kanak-kanak dan bergantung secara eksklusif pada tenaga kerja yang telah memilih secara sukarela untuk menjadi sebahagian daripada komuniti kita. Sehubungan itu, kita komited untuk mengamalkan cara pengambilan pekerja secara adil yang bersikap telus tentang keadaan pekerjaan kita serta mematuhi semua undang-undang dan standard industri yang berkenaan.

Kita berpendirian tegas mengenai  
» buruh kanak-kanak dan buruh paksa.

### 3.2 DIVERSITY

Diversity budaya adalah kekuatan yang mewujudkan keanekajenisan dalam syarikat kita dan merupakan faktor utama kejayaan kita. Kita tidak mendiskriminasi, dan kita tidak bertolak ansur terhadap diskriminasi. Semua pekerja diminta untuk saling hormat-menghormati dan bersikap adil. Semua keputusan berkaitan pekerjaan seperti keputusan mengenai pengambilan pekerja atau manfaat adalah dibuat berdasarkan kemahiran, kelayakan dan pengalaman semata-mata, tanpa mengira bangsa, asal etnik, kewarganegaraan, jantina, gender, orientasi seksual, warna kulit, agama atau kepercayaan, ketidakupayaan, umur atau apa-apa status lain yang dilindungi oleh undang-undang. Kita berbangga dengan tenaga kerja kita, memperoleh manfaat daripada perbezaan mereka dan menyokong mereka secara individu.

Kita mengharapkan semua pengurus dapat memimpin melalui teladan dan memastikan bahawa bidang tanggungjawab mereka bebas daripada diskriminasi dan gangguan.

»» [Baca Lebih Lanjut: Human Rights Policy](#)

Kita melayani  
»» semua orang secara sama rata dan dengan hormat.



### Contoh

Anda mendengar rakan sekerja membuat komen yang tidak sopan tentang kewarganegaraan, jantina, orientasi seksual atau warna kulit orang. Anda boleh sama ada menghalang kelakuan diskriminasi ini dengan serta-merta jika anda berasa yakin, atau melaporkannya kepada pengurus anda dengan segera atau menggunakan sistem Speak Up kita.

# 04 | DATA PERIBADI

Di Exyte, kita yakin bahawa antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan kita adalah kepercayaan para pekerja, pelanggan, subkontraktor dan rakan kongsi perniagaan yang lain terhadap cara pemprosesan data peribadi mereka. Oleh itu, Exyte memandang serius hal perlindungan data peribadi. Kami komited untuk bersikap telus tentang cara kita mengumpulkan dan menggunakan data peribadi dan memproses data tersebut hanya mengikut undang-undang yang berkenaan, terutamanya Peraturan Perlindungan Data Umum Kesatuan Eropah (EU).

Exyte telah melaksanakan langkah daripada aspek teknikal dan organisasi untuk memastikan perlindungan maklumat peribadi yang sewajarnya. Data Protection Policy kita menetapkan asas bagi cara Exyte boleh mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan atau memproses data peribadi pekerja, pelanggan, pembekal dan rakan kongsi perniagaan yang lain, dan semua ahli Exyte diharapkan untuk melaksanakan langkah-langkah ini.

»» [Baca Lebih Lanjut: Data Protection Policy](#)

Kami melindungi  
»» data peribadi anda.



### Contoh

Sebagai pengurus projek di Exyte, anda menerima senarai yang mengandungi alamat emel pekerja subkontraktor yang bekerja di tapak. Anda menyedari bahawa ini ialah data peribadi dan berfikir sebentar untuk memutuskan sama ada hendak berkongsinya secara dalaman dan cara untuk melakukannya. Sebelum memajukan senarai itu kepada kakitangan yang bertanggungjawab, anda mendapatkan nasihat daripada Data Protection Officer tentang cara yang paling selamat untuk berkongsinya dan keperluan undang-undang untuk memproses dan menyimpan dokumen tersebut.

# 05 | KONFLIK KEPENTINGAN

Keputusan perniagaan kita dibuat secara eksklusif berdasarkan kriteria objektif dan tidak akan dipengaruhi oleh kepentingan peribadi. Walaupun kami menghormati kehidupan peribadi anda, kami mengharapkan anda untuk tidak mencampuradukkannya dengan urusan kerja. Kami mengharapkan anda untuk bertindak dengan jujur dalam tatalaku profesional anda dan membuat keputusan demi kepentingan terbaik Exyte. Konflik kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi anda bertembung dengan kepentingan Exyte. Anda bertanggungjawab untuk mendedahkan sebarang konflik kepentingan, sama ada konflik sebenar atau potensi konflik.


Exyte Conflict of Interest Policy menyerlahkan senario yang lazimnya mengakibatkan konflik kepentingan, seperti hubungan peribadi di tempat kerja dan hubungan dengan rakan kongsi perniagaan bahkan pekerjaan kedua dengan pesaing atau pembekal (semua pekerjaan kedua yang lain dikawal oleh prosedur HR yang berkenaan). Konflik kepentingan tidak menjadi kesalahan atau tidak beretika selagi keadaan dan potensi risikonya dikenal pasti, dilaporkan dengan sewajarnya dan diurus dengan berkesan.

Biasakan diri anda dengan terma Conflict of Interest Policy kita dan dapatkan nasihat daripada Compliance Team sekiranya terdapat keraguan. Sekiranya anda dapati bahawa anda berada dalam situasi yang mungkin mengakibatkan atau mungkin dianggap sebagai konflik, maklumkan kepada Compliance Team atau pengurus anda dengan segera untuk memastikan ketelusan dan untuk mengekalkan integriti. Dengan mengurus konflik kepentingan secara proaktif, kita dapat mengekalkan kepercayaan dan keyakinan rakan sekerja serta rakan kongsi perniagaan.

»» [Baca Lebih Lanjut: Conflict of Interest Policy](#)

Kita mendedahkan  
»» konflik kepentingan.



**Contoh**

Anda bekerja dalam bidang perolehan dan isteri anda baru sahaja mendapat pekerjaan sebagai pengurus jualan dengan salah satu pembekal kita. Maklumkan hubungan peribadi ini kepada pengurus anda dan Compliance Team kerana mungkin terdapat persepsi berat sebelah peribadi. Tarik diri daripada proses membuat keputusan mengenai pembekal untuk mengelakkan sebarang persepsi konflik kepentingan.

# 06 | SUMBER SYARIKAT

## 6.1 ASET

Exyte akan menyediakan semua perkakas dan peralatan yang anda perlukan untuk melaksanakan kerja anda. Anda bertanggungjawab untuk melindungi aset fizikal, harta intelek dan data Exyte daripada rosak, hilang, terjejas dan salah guna. Anda hanya boleh menggunakan aset syarikat untuk tujuan peribadi jika dibenarkan secara jelas sama ada dalam peraturan dalaman kita atau oleh kakitangan yang diberi kuasa.

Pekerja diharapkan agar berhemah dan bertanggungjawab apabila menggunakan aset syarikat. Sebagai contoh, menggunakan peralatan seperti yang diarahkan atau mengelakkan perjalanan yang tidak perlu dan penginapan yang mahal. Dengan berbuat demikian, anda boleh menyumbang secara langsung terhadap prestasi keseluruhan Exyte.

Kita menggunakan  
» sumber syarikat dengan berhemah.

## 6.2 DATA

Pengetahuan dan kemahiran merupakan kunci kejayaan Exyte. Tidak perlu dipertikaikan lagi, perlindungan rahsia perdagangan Exyte dan maklumat sulit yang lain sangat penting untuk masa depan syarikat kita. Perlindungan dan perhatian yang sama perlu dilaksanakan terhadap data rakan kongsi perniagaan kita, sama ada data yang diberikan semasa projek atau sebelum penganugerahan suatu projek. Semua maklumat sulit, sama ada milik Exyte atau rakan kongsi perniagaan kita, mesti dikendalikan secara bertanggungjawab. Tandakan maklumat sulit, simpannya dengan selamat dan hadkan akses hanya kepada individu yang diberi kuasa yang memerlukan maklumat tersebut. Anda tidak boleh mendedahkan apa-apa maklumat sulit yang telah anda peroleh semasa pekerjaan anda sama ada semasa atau selepas penamatan pekerjaan anda.



**Contoh**

Anda ialah jurutera dalam sebuah projek Exyte. Semasa perbualan dengan rakan yang bekerja di syarikat lain, dia menunjukkan minat untuk mengetahui butiran tentang salah satu projek kita. Anda menolak secara sopan untuk berkongsi sebarang butiran khusus dan mengingatkannya bahawa butiran projek adalah sulit.

# 07 | RASUAH DAN SOGOKAN

## 7.1 PENDIRIAN UMUM KITA

Exyte berpendirian tegas terhadap rasuah dan sogokan, dan kita mengharapkan perkara yang sama daripada rakan kongsi perniagaan. Kita tidak memberi rasuah – kepada sesiapa sahaja – di mana-mana jua.


Rasuah boleh berlaku dalam pelbagai bentuk yang berselindung di sebalik amalan perniagaan atau amalan sosial yang lazim. Di Exyte, kita berbangga kerana menarik perhatian klien kita dan rakan kongsi perniagaan yang lain dengan kecemerlangan perkhidmatan serta produk kita, dan bukan melalui pengaruh yang tidak wajar. Pekerja Exyte dan sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak Exyte tidak boleh menawarkan, menjanjikan atau memberi, meminta, merayu atau menerima, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa sahaja yang bernilai untuk mempengaruhi pembuatan keputusan atau tindakan secara tidak wajar. Sekiranya ada sebarang keraguan, anda hendaklah berunding dengan Exyte Compliance Team.

**Kita tidak memberi rasuah  
» kepada sesiapa jua – di mana-mana jua.**

## 7.2 RAKAN KONGSI PERNIAGAAN

Hadiah kecil sebagai tanda ihsan atau pelawaan untuk menikmati hidangan selepas mesyuarat merupakan amalan perniagaan yang lazim di banyak tempat. Namun begitu, tindakan mesra sedemikian boleh disalahertikan sebagai percubaan untuk mempengaruhi rakan kongsi perniagaan secara tidak wajar. Bagi mengelakkan persepsi berat sebelah atau kebimbangan berkenaan integriti kita, dan demi melindungi pekerja serta syarikat, Exyte Anti-Bribery and Corruption Policy menetapkan peraturan untuk menangani situasi sedemikian.

Perlu diingati bahawa rakan kongsi perniagaan anda mungkin mempunyai peraturan dan sekatan yang lebih ketat. Oleh itu, anda hendaklah sentiasa menyemak code of conduct rakan kongsi sebelum menawarkan apa-apa perkara yang bernilai.

A portrait of a middle-aged man with grey hair, smiling, wearing a dark suit, white shirt, and blue tie. The background is a blurred blue and white geometric pattern.

KITA MEYAKINKAN  
RAKAN KONGSI  
PERNIAGAAN  
KITA DENGAN  
KECEMERLANGAN  
DAN INTEGRITI  
OPERASI, BUKAN  
DENGAN HADIAH  
ATAU PELAWAAN

---

CEO Dr. W. Büchele

Menurut peraturan umum, kita dikehendaki mengelakkan diri daripada hadiah dan pelawaan. Sekiranya dalam kes yang luar biasa, kita memutuskan untuk menawarkan atau menerima sesuatu, nilainya mestilah munasabah dan bersesuaian dalam situasi tersebut. Peraturan umum ini diperincikan dalam Exyte Anti-Bribery and Corruption Policy, yang juga mentakrifkan nilai ambang untuk hadiah dan menyediakan pendekatan khusus mengenai pelawaan.

Hadiah di bawah nilai ambang boleh diberikan atau diterima sebagai tanda ihsan jika hadiah itu sama sekali tidak boleh dianggap akan mempengaruhi penerima secara tidak wajar.

Sebaliknya, Exyte tidak mentakrifkan nilai ambang untuk penawaran atau penerimaan pelawaan bagi jamuan dan acara perniagaan. Walaupun pelawaan untuk jamuan perniagaan boleh diberikan atau diterima jika nilainya munasabah dan sesuai dalam situasi masing-masing, pelawaan bagi acara tersebut memerlukan kelulusan terlebih dahulu daripada Compliance Team menurut Anti-Bribery and Corruption Policy.

## 7.3 PEGAWAI AWAM

Risiko pelanggaran undang-undang antisogokan adalah jauh lebih tinggi apabila berurusan dengan pegawai awam. Atas sebab ini, kita dilarang sama sekali untuk memberikan atau menawarkan apa-apa kepada pegawai awam.

Harap maklum bahawa di banyak negara, bukan penjawat awam sahaja yang dianggap sebagai pegawai awam, malah eksekutif syarikat milik negara, syarikat swasta yang mempunyai fungsi awam (contohnya, pembekal tenaga) atau pegawai dan pekerja organisasi antarabangsa awam juga dianggap sebagai pegawai awam. Anda mesti sentiasa merujuk kepada Compliance Team sebelum mempertimbangkan apa-apa pemberian kepada seseorang yang mungkin seorang pegawai awam.

»» [Baca Lebih Lanjut: Anti-Bribery and Corruption Policy](#)



### Contoh pelawaan

Pengarah urusan subkontraktor mempelawa anda ke restoran mewah untuk meraikan hubungan perniagaan yang kukuh antara kedua-dua syarikat selama bertahun-tahun. Memandangkan syarikatnya membuat bidaan dalam tender, anda memutuskan untuk menolak pelawaan tersebut kerana tindakan itu boleh bermaksud atau dianggap sebagai pengaruh yang tidak wajar terhadap proses membuat keputusan kita. Sentiasa dapatkan nasihat daripada Compliance Team sekiranya anda berasa tidak pasti.

## 7.4 MELANTIK EJEN DAN PAKAR RUNDING

Penggunaan khidmat perantara untuk memperoleh perniagaan atau memasuki pasaran baharu telah terbukti sangat terdedah kepada penyalahgunaan. Keberkesanan perkhidmatan pakar runding sedemikian biasanya sukar untuk diukur, dan margin keuntungan lazimnya tidak telus, yang bermaksud bahawa dana berpotensi disalahgunakan untuk rasuah. Atas sebab ini, pelantikan pakar runding untuk membangunkan atau memenangi projek atau perniagaan klien adalah dilarang di Exyte. Larangan am ini terpakai tanpa mengira saiz projek, skim imbuhan atau apa-apa keadaan yang lain. Sebagai prinsip am, kita berazam untuk mengehendkan penggunaan pakar runding. Kita melantik pakar runding hanya dalam kes yang luar biasa dan sentiasa tertakluk pada 'compliance ketat kepada Exyte Consultancy Policy.

»» [Baca Lebih Lanjut: Consultancy Policy](#)

## 7.5 PERATURAN BAGI DERMA DAN PENAJAAN

Sebagai warga korporat yang baik, Exyte menyokong organisasi dan inisiatif amal serta bukan untung dalam komuniti kita. Namun begitu, walaupun suatu derma atau penajaan bertujuan untuk aktiviti amal, ia masih boleh menjadi rasuah. Bagi mengelakkan persepsi menggunakan pengaruh yang tidak wajar untuk meraih kelebihan daya saing, sumbangan dan tajaan tidak boleh disalurkan kepada sesiapa yang terlibat dalam atau berhubung rapat dengan perniagaan kita. Semua derma dan tajaan memerlukan kelulusan mengikut Exyte Anti-Bribery and Corruption Policy sebelum perbelanjaan dibuat.

»» [Baca Lebih Lanjut: Anti-Bribery and Corruption Policy](#)





# 08 | PENIPUAN DAN INTEGRITI REKOD KEWANGAN

Penipuan boleh memberikan kesan buruk kepada syarikat kita, mengakibatkan kerugian kewangan atau merosakkan reputasi Exyte serta kepercayaan pihak berkepentingan. Penipuan berlaku dalam pelbagai cara, semuanya melibatkan salah nyata penyata kewangan atau transaksi perniagaan yang disengajakan. Perlu diingatkan bahawa ini adalah suatu kesalahan, walaupun ia tidak menghasilkan kelebihan peribadi atau keuntungan bagi syarikat. Seajar dengan komitmen kita terhadap integriti, kita mencegah penipuan melalui kawalan yang berkesan dan bertindak segera apabila terdapat tanda awal sebarang isu yang berpotensi.

Salah satu kawalan yang terpenting adalah prinsip empat mata, yang terpakai untuk semua transaksi perniagaan dan keputusan utama. Prinsip ini memerlukan penilaian dan kawalan bebas oleh dua pekerja yang diberi kuasa yang terlibat dalam transaksi terbabit. Komunikasi luaran bertulis secara amnya memerlukan dua tandatangan daripada penandatangan yang diberi kuasa mengikut peraturan dalaman Exyte.

Ketepatan dan ketelusan sangat penting untuk pelaporan kewangan luaran kita. Penyata kewangan berkala kita diterbitkan tepat pada masanya dan mengikut peraturan perakaunan kebangsaan dan antarabangsa. Sebarang percanggahan boleh mengakibatkan kesan serius kepada syarikat serta kakitangan yang bertanggungjawab untuk percanggahan tersebut.

Keperluan untuk mengekalkan ketepatan dan ketelusan rekod kewangan meliputi semua data kewangan dalaman yang membentuk asas bagi akaun kewangan Exyte. Oleh yang demikian, setiap ahli pasukan projek bertanggungjawab untuk memastikan data komersial dan angka projek adalah tepat dan realistik.

Laporan kita disediakan  
» secara tepat dan telus.



### Contoh

Anda seorang pengurus dan memerlukan komputer riba dengan kadar segera untuk kegunaan ahli baharu pasukan anda yang masih belum menerima peralatan IT. Memandangkan anda bimbang bahawa proses perolehan dalam mungkin terlalu perlahan, anda mempertimbangkan untuk membelinya menggunakan kad kredit anda dan menuntut kosnya daripada syarikat sebagai belanja perjalanan. Anda menyedari bahawa perkara ini tidak selaras dengan dasar dalam kita dan boleh menyebabkan pelaporan kewangan yang tidak tepat. Anda membincangkan situasi ini dengan pasukan anda dan mencari penyelesaian sementara alternatif.

# 09 | BERSAING SECARA ADIL

Di Exyte, kita berpegang pada persaingan yang adil, sah di sisi undang-undang dan terbuka. Kejayaan Exyte bergantung pada pekerja, kualiti perkhidmatan dan produk kita yang sangat cemerlang, dan pada tumpuan kita terhadap klien. Kita akan sentiasa mematuhi undang-undang persaingan, dan tidak akan menjejaskan kepercayaan klien kita dengan amalan bersekongkol atau bekerjasama dengan pesaing. Kita tidak memeterai apa-apa jenis perjanjian antipersaingan dengan pihak ketiga yang berkaitan dengan harga atau terma dan strategi komersial lain, dengan menyelaraskan tatalaku kita dalam proses tender atau bersekongkol dengan pesaing untuk menetapkan harga. Ini bukan sahaja terpakai kepada perjanjian rasmi, tetapi juga untuk apa-apa jenis pengaturan tidak rasmi yang mungkin menghadkan persaingan. Memandangkan pertukaran data sensitif komersial dalam kalangan pesaing adalah dilarang, penerimaan atau pendedahan maklumat boleh jadi suatu pelanggaran undang-undang persaingan, tanpa mengira sebarang niat antipersaingan.

Sekiranya mana-mana pesaing menghubungi anda untuk membincangkan data sensitif komersial atau untuk membuat pengaturan yang mungkin mempengaruhi harga atau terma terhadap rakan kongsi perniagaan kita, anda mestilah secara jelas menolak untuk terlibat dalam perbincangan atau pengaturan sedemikian dan segera melaporkan kejadian tersebut kepada ahli Exyte Compliance Team.

**Kita bersaing  
» secara adil.**



### Contoh

Semasa acara rangkaian perniagaan, seorang pesaing secara bersahaja menyatakan bahawa dengan tidak bersaing untuk jenis projek tertentu pada masa hadapan boleh turut memberikan manfaat kepada syarikat anda. Anda menyatakan dengan jelas bahawa Exyte tidak terlibat dalam sebarang bentuk perjanjian antipersaingan. Anda enggan membincangkan perkara itu lebih lanjut dan melaporkannya kepada Compliance Team.

# 10 | SEKATAN DAN KAWALAN EKSPORT

Di Exyte, kami memperakui pentingnya kawalan eksport, yang melibatkan sekatan terhadap eksport atau pemindahan barangan, termasuk item fizikal, perisian dan teknologi. Walaupun sekatan sedemikian terpakai untuk senjata dan barangan ketenteraan dalam apa jua keadaan, perhatian khusus diperlukan untuk barangan dual-use yang boleh berfungsi untuk tujuan awam dan ketenteraan serta merupakan sebahagian daripada banyak aplikasi berteknologi tinggi. Penggunaannya dalam aktiviti yang bercanggah dengan objektif keselamatan negara dan global mesti dihalang.

Sebagai sebuah syarikat global yang mempunyai pelbagai projek dan pertubuhan di seluruh dunia, Exyte terkesan secara langsung oleh peraturan kawalan eksport dan sekatan serta mekanisme kawalan yang berkaitan. Exyte Export Control Policy mewujudkan rangka kerja yang mantap bagi memastikan compliance kepada semua undang-undang dan peraturan kawalan eksport yang berkaitan, dan untuk memastikan bahawa operasi kita tidak menyumbang kepada aktiviti yang tidak dibenarkan atau berbahaya.

Kita melindungi syarikat dengan  
» memahami peraturan  
sebelum bertindak.

### Contoh

Klien meminta anda menggunakan sejenis injap yang baharu dalam peralatan yang kita bina untuknya. Walaupun pada mulanya anda berfikir bahawa hal mengenai injap tidaklah relevan, akhirnya anda memutuskan untuk meminta Export Control Officer anda untuk meninjau situasi tersebut. Apabila anda menyedari bahawa injap tersebut ialah item dual-use, anda bersyukur kerana membuat keputusan untuk mendapatkan nasihat tepat pada masanya.



# 11 | LAKSANAKAN CODE OF CONDUCT

Compliance di Exyte bukan hanya sekadar mengetahui nilai ambang untuk hadiah atau menjalani latihan Compliance mandatori sekali setahun. Kita berusaha untuk mewujudkan **budaya Compliance** di mana compliance diamalkan sebagai suatu **sikap**, dan peraturan serta prosedur kita diterapkan ke dalam proses perniagaan kita.

Setiap orang yang bekerja untuk Exyte diharapkan untuk memahami konsep Code of Conduct ini dan mengamalkannya sebagai sebahagian daripada rutin kerja mereka. Dapatkan nasihat apabila berasa ragu-ragu dan bersuara jika anda merasakan ada sesuatu yang tidak kena.

Pengurus mempunyai tanggungjawab tambahan untuk menekankan kepentingan Compliance di Exyte dan bertindak sebagai suri teladan dari segi integriti.

Budaya compliance merupakan usaha bersama yang hanya boleh dicapai  
**» apabila setiap orang memikul tanggungjawab terhadap compliance.**





Semua pengurus bertanggungjawab  
» memastikan compliance dalam bidang tanggungjawab mereka.



# Speak Up!

It's the right way

## PILIHAN WAKIL HUBUNGAN ANDA:

- » **Dr. Steffen Liebendörfer**  
Vice President Compliance  
Exyte Management GmbH  
70376 Stuttgart  
Germany  
Telefon: +49 711 8804-1045  
[steffen.liebendoerfer@exyte.net](mailto:steffen.liebendoerfer@exyte.net)
- » [ethics@exyte.net](mailto:ethics@exyte.net)
- » [www.speak-up.exyte.net](http://www.speak-up.exyte.net)



Merealisasikan  
masa depan teknologi



03/2025

[exyte.net](http://exyte.net)

